

Headline	FRIM pulihara pokok		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	503 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,033
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,099



## FRIM pulihara pokok

**S**ALAH satu program pemuliharaan pokok dalam kampus FRIM itu adalah menerusi penubuhan arboretum dipterokarp atau pokok dirian hidup menjadi antara aset penting agensi berkenaan.

Menurut Pegawai Penyelidiknya, **Norsham Yaakob** ia merupakan satu lagi warisan hutan yang amat penting untuk dijaga.

"Dipterokarp bermaksud kayu yang mempunyai damar dan kawasan ini mempunyai sejarahnya tersendiri yang boleh menjadi inspirasi kepada golongan muda mencintai khazanah hutan," ujarnya pada majlis membersihkan kawasan tersebut bersama Kelab Mountain Bike (MTB) FRIM baru-baru ini.

Sejak ditubuhkan pada 31 tahun lalu pada 1 Oktober 1985, FRIM yang ditubuhkan bawah

Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985, telah banyak melakar sejarah sebagai sebuah entiti penyelidikan yang terulung dalam perhutanan tropika di rantau ini.

Dengan memiliki kepakaran dan teknologi yang telah dibangunkan semenjak wujudnya Institut Penyelidikan Perhutanan (Forest Research Institute - FRI) pada tahun 1927, FRIM telah berjaya meneruskan usaha dalam menghasilkan pelbagai penemuan penyelidikan di semua rantaian hulu dan hilir sektor

perhutanan dalam bidang keluaran hasil hutan merangkumi kayu dan bukan kayu, bioteknologi, biodiversiti serta tumbuhan herba dan ubatan.

Kawasan kampus FRIM telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada tahun 2010 seterusnya diwartakan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan pada tahun 2012.

Selain itu, usaha institut penyelidikan ini terus menerima pengiktirafan dari dalam dan luar negara seperti mendapat tempat pertama Anugerah Harta Intelek Negara 2014 dalam kategori Paten bagi ciptaan sistem rawatan kayu menggunakan pengeringan suhu tinggi yang mesra alam, penganugerahan Linnean Medal oleh

Persatuan Linnean di London bagi sumbangan cemerlang bidang botani, pingat emas dan iCAN Best Invention of Asia Award di International Invention Innovation 2016 bagi inovasi Engineered Palm Wood Veneer (E-PaVV) di Kanada, dan pelbagai lagi pencapaian lain.

Masyarakat setempat, pengunjung dan orang awam juga memainkan peranan yang penting dalam menyokong serta mengerakkan aktiviti kesedaran dan pemuliharaan hutan.



**PESERTA** Mountain Bikers FRIM meluangkan masa membaca akhbar *Utusan Malaysia* di kampus FRIM di Kepong Selangor, baru-baru ini.



**DR. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR** (dua dari kiri) memotong kek sempena sambutan ulang tahun Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) ke-31 sambil disaksikan oleh (dari kiri) Azizan Ahmad, Feona Sim, Dr. Salleh Mohd. Noor dan Dr. Latiff Mohmod di Kepong baru-baru ini.



**NORSHAM YAAKOB**

Pada majlis sambutan ulang tahun ke-31 FRIM baru-baru ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyampaikan sijil pelantikan kepada anggota institut yang hadir serta menerima penyerahan sijil *Malaysia Book of Records* untuk Hutan Buatan Manusia Terbesar di bekas lombong bijih timah, pokok hutan tertinggi yang ditanam manusia iaitu spesies *Shorea glauca* atau balau laut dan formulasi biodiesel pertama untuk pengewapan nyamuk *aedes*.

Beliau telah melepaskan sekumpulan peserta Rimbatlon 2016 dan merasmikan Pertandingan Fotografi FRIM

Setiap peserta dibenarkan masuk secara percuma ke kampus FRIM sebanyak dua kali. Mereka perlu membuat pendaftaran di Unit Komunikasi Korporat FRIM untuk mendapatkan borang kemasukan percuma.

Senarai pemenang akan diumumkan melalui laman web dan Facebook FRIM pada penghujung Disember ini. Setiap pemenang akan menerima sijil dan hadiah.

Untuk maklumat lanjut layari [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my)